



## **Pendekatan Taubat (*Istitabah*) Bagi Kesalahan Ajaran Sesat di Baitul Iman, Selangor: Sorotan Kes Abdul Kahar Ahmad**

### ***Istitabah (Repentance) Approach to the Offence of Deviant Teachings in Baitul Iman, Selangor: The Case of Abdul Kahar Ahmad***

ZANARIAH DIMON (Corresponding Author),  
NURZATIL ISMAH AZIZAN, NAZNEEN ISMAIL  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Bangi Selangor  
zanariah@kuis.edu.my nurzatil@kuis.edu.my,  
nazneen@kuis.edu.my

HAMIDI ABD. GHANI, NORDIN MAT PIAH,  
MOHD RAMIZU ABDULLAH @ ZAKARIA  
Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)  
Nilam Puri, Kota Bharu Kelantan  
alhamidighani011@gmail.com,  
nordinmatpiah@gmail.com, mohdramizu@yahoo.com

NURULFATHONAH MOHD EFFENDY  
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)  
Bangi Selangor  
fathonah.effendy92@gmail.com

#### **ABSTRAK**

Persoalan akidah tidak boleh diambil ringan kerana ia berkait *maqasid* syariah dalam aspek penjagaan agama (*hifz ad-din*). Di Malaysia, banyak berlaku kesalahan berhubung akidah seperti ajaran sesat dan murtad. Di antaranya adalah kes ajaran sesat melibatkan Abdul Kahar Ahmad yang mengaku sebagai Rasul Melayu. Abdul Kahar bin Ahmad telah disabitkan kesalahan atas lima pertuduhan termasuk menyebarkan doktrin palsu dan dikenakan hukuman keseluruhan denda sebanyak RM16,500, penjara selama 10 tahun dan enam kali sebatan. Abdul Kahar juga diperintahkan menjalani pemulihan akidah di Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman, Ulu Yam, Selangor selama tempoh enam bulan bagi tujuan bertaubat dan kembali kepada Islam. Pemulihan akidah merupakan satu proses memberi peluang bertaubat bagi mereka yang melakukan kesalahan berkaitan akidah seperti ajaran sesat, doktrin palsu dan kesalahan yang berkait dengan murtad dan percubaan murtad. Justeru, makalah ini

## ***Istitabah* Bagi Kesalahan Ajaran Sesat**

**01**

Submitted: 7 February 2019  
Revised: 22 March 2019  
Accepted: 24 April 2019  
E-Published: 26 April 2019





bertujuan membuat sorotan terhadap proses pemulihan akidah yang dilaksanakan terhadap Abdul Kahar. Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif. Data kajian diperolehi menerusi metode dokumentasi dan temu bual separa struktur dengan pihak informan yang bertanggung jawab dalam proses pemulihan Abdul Kahar. Hasil kajian menunjukkan bahawa pemulihan akidah secara penahanan dan pengajaran menggunakan Modul Istitabah adalah sangat berkesan bagi memulihkan pesalah-pesalah dalam kes melibatkan ajaran sesat. Kaedah ini dapat mempertahankan kesucian agama dan mengembalikan pesalah yang terlibat dengan kesalahan akidah bertaubat dan kembali kepada Islam yang sebenar.

**Kata kunci:** Pemulihan Akidah, *Istitabah*, Ajaran Sesat, Kesalahan Akidah

### ABSTRACT

The question of faith cannot be taken lightly because it relates to the aspect of protection of religion (*hifz ad-din*) in maqasid Shariah. In Malaysia, there are many faith-related offences committed such as deviant teaching and apostasy. Amongst those offences is concerning the case of Abdul Kahar Ahmad who proclaimed himself to be the prophet of Malays (Rasul Melayu). Abdul Kahar Ahmad was convicted on five charges including spreading false doctrine and was sentenced to a total of RM16,500 in fines, 10 years in prison and six strokes of whipping. Abdul Kahar was also ordered to spend six months at a Rehabilitation Centre of Aqidah (Faith) Baitul Iman located in Ulu Yam, Selangor for the purpose of repentance and return to Islam. Purification of faith is a process which provides an opportunity to repent for offenders of faith-related offences such as deviant teaching, false doctrine, apostasy and attempt to apostate. Thus, this paper aims to study the process of purification of faith undergone by Abdul Kahar. This study applies the qualitative methodology where data were obtained through the documentation metode and semi-structured interviews with the informant who was responsible throughout Abdul Kahar's rehabilitation process. The results show that purification of faith by detaining and teaching using the Istitabah Module is very effective for faith-related offenders. This process is able to preserve the sanctity of Islam and to bring the offenders back to repentance and the rightful path of Islam.

**Keywords:** Purification of Faith, *Istitabah*, Deviant Teaching, Faith-Related Offences

### PENGENALAN

Masalah akidah merupakan perkara yang serius dalam Islam kerana ia melibatkan perkara asas dalam kehidupan umat Islam. Ia melibatkan penyelewengan ajaran Islam yang bertentangan dengan syariat seperti ajaran sesat, doktrin palsu dan kesalahan yang berkaitan dengan murtad dan percubaan murtad. Hukuman berat akan dikenakan kepada pesalah akidah. Namun, dalam Islam dan undang-undang syariah di Malaysia, pesalah yang terlibat dengan kesalahan akidah akan menjalani proses taubat atau *istitabah* melalui proses pemulihan akidah. Perintah taubat merupakan satu anjuran atau proses memberi peluang untuk bertaubat bagi mereka



yang melakukan kesalahan dari segi syarak (Wan Mohd Fazrul et al. 2013). Pemulihan akidah yang dijalankan adalah berbentuk rundingan dan khidmat nasihat akidah kepada pemohon untuk kembali menerima Islam sebagai agama dalam hidup atau tahanan di pusat pemulihan akidah bagi tempoh tertentu.

Justeru, artikel ini akan memfokuskan perbincangan kepada proses pemulihan akidah yang dilaksanakan dalam kes-kes melibatkan kesalahan akidah khususnya sorotan terhadap kes Abdul Kahar Ahmad yang telah disabitkan kesalahan atas pelbagai kesalahan berhubung ajaran sesat termasuklah mendakwa dirinya sebagai Rasul Melayu.

### **KESALAHAN AKIDAH MENURUT UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA**

Kesalahan akidah menurut hukum syarak ialah perbuatan, perkataan dan iktikad yang menjadikan keimanan seseorang itu gugur. Ia juga disebut sebagai perkara yang membatalkan iman atau penyelewangan akidah. Antara perkara yang membatalkan akidah ialah tidak beriman dengan salah satu daripada kalimah syahadah, mengingkari ketuhanan Allah SWT, mengingkari keEsaan-Nya, mencela Rasulullah SAW, mengingkari sebahagian atau semua perkhabaran baginda, reda dengan kekufuran, tidak reda dengan Islam, tidak menghukumkan kafir ke atas orang kafir, musyrik, ateis, membenarkan pegangan orang kafir, menjadikan orang kafir sebagai pemimpin, menzahirkan sokongan ke atas agama mereka serta memperolok-olokkan ajaran Islam (Muhammad Naim, t.th).

Manakala kesalahan berhubung akidah dalam undang-undang adalah selaras dengan hukum syarak iaitu tertumpu pada kesalahan-kesalahan yang mampu menggugat keimanan dan akidah seseorang kepada Allah SWT. Kebiasaannya ia berkaitan dengan penyebaran ajaran dan amalan yang bertentangan dengan Islam. Menurut Siti Zubaidah (2017), ajaran sesat atau ajaran salah boleh diertikan sebagai sebarang ajaran atau amalan yang dibawa oleh orang Islam atau bukan Islam yang mendakwa ajaran atau amalannya yang dibawanya itu adalah ajaran Islam atau berdasarkan kepada ajaran Islam, sedangkan pada hakikatnya ajaran atau amalan yang dibawa itu bertentangan dengan ajaran Islam yang berdasarkan kepada al-Quran dan al-Sunnah serta bercanggah dengan akidah dan syariat Islam. Kesalahan berkaitan ajaran sesat ini merupakan ancaman kepada akidah umat Islam.

Gejala kerosakan akidah seperti ajaran sesat yang sentiasa berkembang dan menular saban hari di Malaysia pada masa kini perlu dipandang serius dalam usaha memelihara akidah umat Islam. Ini kerana, persoalan akidah bukanlah sesuatu yang boleh diambil ringan kerana ia berkait *maqasid* syariah iaitu dalam aspek penjagaan agama (*hifz ad-din*). Kes-kes ajaran sesat dan doktrin palsu seperti Tarikat Naqsyabandiyah, Ajaran Ayah Pin, Golongan Anti Hadis serta kes-kes murtad seperti Azlina Jailani @ Lina Joy (1997), Kamariah Ali (1999) dan Fatimah Tan (2016) menunjukkan kerosakan akidah sudah menjadi isu yang membimbangkan dan memberi cabaran besar kepada umat Islam. Lazimnya, fokus kajian tertumpu kepada isu-isu pendakwaan dan penguatkuasaan kesalahan akidah. Ini kerana mereka yang



terlibat dengan ajaran salah dan percubaan keluar agama ini boleh didakwa melalui pelbagai peruntukan enakmen jenayah syariah walaupun hukumannya terlalu ringan berbanding dengan kemudaratannya kepada orang Islam.

Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (2015) telah menghimpunkan beberapa ajaran sesat yang melibatkan akidah Islam, antaranya Tarekat Mufarridah, Tarekat Naqsyabandiyah Khalidiah Kadirun Yahya, ajaran Hassan Anak Rimau, Kumpulan Qadiani atau Ahmadiyah, ajaran Bahai, al-Arqam, Syiah, Tariqat Naqsyabandiah al-Aliyyah Syeikh Nazim al-Haqqani, Wahdatul Wujud, kumpulan Black Metal dan ajaran Azhar bin Wahab. Menurut Mohd Aizam (2015), pada akhir tahun 1999 jumlah ajaran sesat yang telah dilaporkan ke Jabatan Agama Islam di seluruh Malaysia menjangkau lebih 100 ajaran.

Terdapat pelbagai kesalahan yang berkaitan dengan pengajaran dan pengembangan ajaran sesat. Ia bergantung kepada bentuk dan keadaan perlakuan pihak-pihak tersebut. Dalam undang-undang jenayah syariah di peringkat negeri di Malaysia, terdapat empat kesalahan di bawah kategori kesalahan berkaitan akidah iaitu pemujaan salah, doktrin palsu, dokumen palsu dan mengembangkan doktrin agama selain Islam dalam kalangan orang Islam. Hukumannya pula dalam bentuk penjara atau denda atau sebatan.

Berikut merupakan kesalahan-kesalahan berkaitan akidah yang diperuntukkan dalam undang-undang jenayah syariah di Wilayah Persekutuan:

1. Pemujaan salah

Seksyen 3 Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (selepas ini Akta 559) menyebut:

Mana-mana orang yang memuja alam semula jadi atau melakukan apa-apa perbuatan yang menunjukkan pemujaan atau rasa hormat kepada mana-mana orang, binatang, tempat atau benda dengan apa-apa cara yang menyalahi Hukum Syarak adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

2. Doktrin palsu Seksyen 4 menjelaskan:

Mana-mana orang yang mengajar atau menjelaskan apa-apa doktrin atau melaksanakan apa-apa upacara atau perbuatan yang berhubungan dengan agama Islam di mana-mana tempat, sama ada tempat persendirian atau tempat awam, adalah melakukan suatu kesalahan jika doktrin atau upacara atau perbuatan itu berlawanan dengan Hukum Syarak atau mana-mana fatwa yang sedang berkuat kuasa di Wilayah Persekutuan, dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak



melebihi tiga tahun atau disebat tidak melebihi enam sebatan atau dihukum dengan mana-mana kombinasi hukuman itu.

3. Mengembangkan doktrin agama dan sebagainya; Seksyen 5 menegaskan:

Mana-mana orang yang mengembangkan doktrin atau kepercayaan agama selain daripada doktrin atau kepercayaan agama Islam di kalangan orang yang beragama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

4. Dakwaan palsu; Seksyen 6 menyebut:

Mana-mana orang yang:

- (a) mengisytiharkan dirinya atau mana-mana orang lain sebagai Rasul atau Nabi, Imam Mahadi atau wali; atau
- (b) menyatakan atau mendakwa bahawa dia atau mana-mana orang lain mengetahui peristiwa atau perkara di luar pemahaman atau pengetahuan manusia, sedangkan perisytiharan, pernyataan atau dakwaan itu adalah palsu dan berlawanan dengan ajaran Islam, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

5. Menghina dan menyebabkan dipandang hina dan lain-lain agama Islam; Seksyen 7 berbunyi:

Mana-mana orang yang secara lisan atau secara bertulis atau dengan gambaran yang tampak atau dengan apa-apa cara lain:

- (a) menghina agama Islam atau menyebabkan agama Islam dipandang hina;
- (b) mempersendakan, mengajuk-ajuk atau mencemuh amalan atau upacara yang berhubungan dengan agama Islam; atau
- (c) mempersendakan atau menyebabkan dipandang hina mana-mana undang-undang yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan yang berhubungan dengan agama Islam adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya".

6. Mengajar agama tanpa tauliah; Seksyen 11 menyebut:

Mana-mana orang yang mengajar atau mengaku mengajar apa-apa perkara yang berhubungan dengan agama Islam tanpa tauliah yang

diberikan di bawah seksyen 96 Akta Pentadbiran adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

7. Pendapat yang bertentangan dengan fatwa; Seksyen 12 menegaskan:

Mana-mana orang yang memberikan, mengembangkan atau menyebarkan apa-apa pendapat tentang ajaran Islam, Hukum Syarak atau apa-apa isu yang bertentangan dengan mana-mana fatwa yang sedang berkuatkuasa di Wilayah Persekutuan adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

8. Penerbitan yang bertentangan dengan Hukum Syarak; Seksyen 13 Akta 559 menjelaskan:

1. Mana-mana orang yang:
  - (a) mencetak, menyiarkan, menerbitkan, merakamkan, mengedarkan atau dengan apa-apa cara lain menyebarkan apa-apa buku, risalah, dokumen atau apa-apa bentuk rakaman yang mengandungi apa-apa jua yang bertentangan dengan Hukum Syarak; atau
  - (b) ada dalam miliknya apa-apa buku, risalah, dokumen atau rakaman sedemikian, adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.
2. Mahkamah boleh memerintahkan supaya mana-mana buku, risalah, dokumen atau rakaman yang disebut dalam subseksyen (1) dilucutkan hak dan dimusnahkan, walaupun tiada seorang pun telah disabitkan atas kesalahan berkaitan dengan buku, risalah, dokumen atau rakaman itu.

Zubaidah (2010) mengatakan bahawa terdapat satu kesalahan yang tiada di negeri-negeri lain tetapi ada di Terengganu iaitu seksyen 15 Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) 2001, kesalahan memutarbelitkan ajaran dan hukum hakam agama Islam. Manakala Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994, seksyen 93(1) memperuntukkan kesalahan melarang sesiapa sahaja daripada menganut, mengajar, memberi penerangan dan menyebarkan kepada orang lain dengan apa cara sekalipun atau melakukan apa-apa amalan atau upacara yang berupa ibadat yang bercanggah dengan Hukum Syarak atau mana-mana mazhab yang muktabar atau fatwa yang sah daripada Majlis, sama ada di rumahnya atau di lain-lain tempat dalam negeri Kelantan.



Sementara itu, antara ajaran sesat yang pernah diambil tindakan ialah ketua dan pengikut kumpulan al-Arqam yang ditangkap secara beramai-ramai pada tahun 1995. Mereka didakwa terlibat dengan ajaran sesat melalui amalan Aurad Muhammadiyah. Mereka dikenakan tahanan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 (ISA) dan diletakkan di Kem Tahanan Kamunting (Mohd Aizam, 2015). Antara tindakan yang dikenakan terhadap mereka ialah mengadakan siri pemulihan akidah, tetapi tidak dihadiri sepenuhnya oleh pengikut tegarnya. Antara tahun 1994 sehingga 1998 kerajaan telah mengadakan 29 siri kursus pemulihan terhadap bekas pengikut al-Arqam seramai 2152 orang (Mohd Aizam, 2015). Selain itu, kes Abdul Kahar Ahmad yang telah mendakwa dirinya sebagai Rasul Melayu dan telah disabitkan atas pelbagai kesalahan berhubung akidah.

Hakikatnya, isu jenayah syariah berkaitan akidah bukan perkara baru, malahan telah sekian lama menjadi kekusaran dalam kalangan umat Islam. Menurut Johana Mohd Taib (2010), peruntukan undang-undang sahaja tidak dapat menghalang kebanjiran gejala negatif yang bertujuan memesongkan akidah umat Islam ini daripada menular dalam kalangan masyarakat. Kemajuan pesat teknologi juga mempengaruhi dengan mudah penyebaran kesalahan akidah tersebut. Oleh itu, penyelewengan akidah ini perlu dibanteras dalam pelbagai bentuk dan tindakan meliputi undang-undang, penguatkuasaan fatwa dan proses pemulihan akidah atau *istitabah* kepada pesalah-pesalah yang telah disabitkan kesalahan di mahkamah syariah.

### **PERINTAH TAUBAT (*ISTITABAH*) MENURUT UNDANG-UNDANG**

Maksud *istitabah* secara literalnya ialah memohon taubat atau menganjurkan bertaubat (Wan Mohd Fazrul et al. 2013, 2015). Apabila seseorang itu telah melakukan kesalahan atau mengingkari perintah Allah SWT, maka diwajibkan bertaubat di atas kesalahan tersebut dan kembali ke pangkal jalan. Konsep *istitabah* perlu digunakan dalam menangani kesalahan akidah yang semakin menular di Malaysia. Malah dapat mempertahankan kesucian agama Islam dan melindungi daripada mempengaruhi akidah umat Islam yang lain.

Dalam penulisan Wan Mohd Fazrul et al. (2013) *istitabah* berada dalam perbahasan mengenai masalah murtad dan sebelum pelaksanaan hukum *had* kepada golongan ini. Perkataan *istitabah* turut membawa erti lain iaitu satu prosedur rasmi yang digunakan sebelum seseorang itu akan dijatuhkan hukum *had riddah* (Wan Mohd Fazrul et al. 2013). *Istitabah* merupakan satu anjuran atau proses memberi peluang untuk bertaubat bagi mereka yang melakukan kesalahan dari segi syarak. Selain itu, pendekatan *istitabah* yang dijalankan adalah berbentuk rundingan dan khidmat nasihat akidah kepada pemohon untuk kembali menerima Islam sebagai agama dalam hidup (Nor Ashikin et al. 2017).

Menurut Wan Mohd Fazrul et. al (2013), *istitabah* bukan sahaja dapat mengelak kesan negatif dari segi moral pesalah bahkan dapat mengelak kesan negatif dari segi keagamaan, kekeluargaan, harta, psikologi dan lain-lain lagi. Dengan pelaksanaan *istitabah* dapat memberi peluang kepada pesalah untuk diterima semula oleh




masyarakat. Malah dapat membanteras gejala ini daripada merebak ke dalam masyarakat yang semakin maju ke hadapan.

*Istitabah* sangat penting untuk memastikan seseorang yang terlibat dengan kesalahan akidah dan murtad kembali kepada ajaran Islam yang sebenar. Ini bertepatan dengan kaedah *sadd al-dhara'i`* dalam membanteras gejala *riddah* dan penyelewengan akidah. Ini kerana perbuatan tersebut termasuk dalam penghinaan terhadap agama Islam. *Istitabah* dilaksanakan melalui perintah mahkamah. Pesalah yang terlibat dengan ajaran salah dan pengikut ajaran salah akan melalui proses pendakwaan di mahkamah dan jika didapati bersalah, dijatuhkan hukuman penjara dan diwajibkan menjalani proses pemulihan akidah.

Menurut Siti Zubaidah (2017), Dalam kes Rayuan Jenayah Bil. 1/96 Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan iaitu kes *Mohamed bin Ya dan Lain-Lain Iwn Pendakwa Syarie Kelantan*, lima orang tertuduh telah disabitkan atas kesalahan melakukan adat istiadat yang bertentangan dengan agama Islam. Mereka adalah pengikut ajaran Kumpulan Ratib Kuat Ayah Pin, sebuah kumpulan yang telah difatwakan haram di Kelantan ketika itu. Dalam rayuan mereka terhadap hukuman penjara, satu tahun, Mahkamah Rayuan telah mengubah hukuman berkenaan kepada berkelakuan baik selama tempoh tiga hingga lima tahun. Dalam tempoh berkenaan mahkamah telah mengarahkan agar mereka melaporkan diri kepada kadi jajahan tempat tinggal mereka untuk melafazkan taubat. Akan tetapi, disebabkan masalah pengurusan, ketidakselarasan arahan dan ketiadaan garis panduan taubat, maka taubat tersebut dikatakan tidak berjaya direalisasikan.

Pada tahun 2017, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah mengeluarkan Modul *Istitabah* bagi kesalahan akidah dan mencemar kesucian Islam di dalam Enakmen Jenayah Syariah Selangor tahun 1995 (MAIS 2017) iaitu pemujaan salah (seksyen 4), mendakwa bukan orang Islam untuk mengelakkan tindakan (seksyen 5), takfir (seksyen 6), doktrin palsu (seksyen 7), dakwaan palsu (seksyen 8), mempersendakan ayat al-Quran, hadis dan lain-lain (seksyen 9), menghina atau menyebabkan dipandang hina, dan lain-lain agama Islam (seksyen 10), memusnahkan atau mencemarkan tempat beribadat (seksyen 11) dan pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Tahun 2003 (seksyen 61(3)(x)). Teori yang digunakan dalam membangunkan modul *istitabah* adalah merujuk kepada Fiqh Islami dalam bab murtad dan *istitabah* bagi pesalah murtad, ilmu tasawuf, psikologi, alat pengukuran dan kaunseling syarie. Berikut merupakan gambar rajah umum Modul *Istitabah* MAIS:

Rajah 1: Modul *Istitabah* MAIS



(Sumber: MAIS 2017)

Rajah 1 menerangkan mengenai peringkat pemulihan akidah yang dilaksanakan berdasarkan Modul *Istitabah* MAIS 2017. Terdapat empat tahap pemulihan, antaranya saringan, rawatan dan pemulihan, pengukuhan dan sokongan. Modul ini dibangunkan bagi memulihkan pesalah akidah dan mengekang gejala murtad serta salah laku akidah khususnya di Selangor. Pembangunan modul ini melibatkan para ulama dan pakar bidang dengan menggabungkan pelbagai disiplin ilmu seperti akidah, fiqh, tasawuf, psikologi, kaunseling syarie dan saintifik (Modul *Istitabah* MAIS 2017). Modul ini telah diuji cuba ke atas pesalah akidah Abdul Kahar bin Ahmad di Penjara Kajang selama enam bulan. Hasilnya, Jawatankuasa Program Pemulihan Akidah bersetuju bahawa pesalah menunjukkan respons yang positif terhadap modul ini.

Modul ini akan digunapakai terhadap pelatih yang terlibat dengan kesalahan akidah selain daripada kes murtad berdasarkan perintah mahkamah sama ada mereka ditempatkan di penjara atau Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman (Baitul Iman). Manakala bagi pelatih yang berkaitan dengan Seksyen 61(3)(x) Pengisytiharan bahawa seseorang itu bukan lagi orang Islam, Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor Tahun 2003 akan dipulihkan berdasarkan perintah mahkamah selepas selesai melalui proses penasihat akidah kendalian Jawatankuasa Penasihat Akidah Jabatan Mufti (Modul *Istitabah* MAIS, 2017).

Oleh itu, *Istitabah* merupakan satu keperluan dalam membendung gejala murtad dalam kalangan masyarakat Malaysia. Modul yang mantap perlu digunakan bagi menyelamatkan akidah seseorang yang terlibat dengan kesalahan ajaran sesat, percubaan murtad atau murtad. Namun begitu, masih terdapat beberapa negeri yang tidak mempunyai amalan *istitabah* yang khusus bagi kesalahan akidah



walaupun terdapat hukuman kepada pesalah untuk menjalani pemulihan akidah bagi tujuan taubat dan kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini adalah berkenaan dengan perintah taubat (*istitabah*) bagi kesalahan akidah di Malaysia dengan membuat sorotan dalam kes Abdul Kahar b. Ahmad yang telah disabitkan kesalahan atas lima pertuduhan kesalahan akidah. Oleh itu bagi mencapai objektif kajian, pengkaji memilih reka bentuk kualitatif. Data dipungut melalui kaedah temu bual separa struktur bersama Penguasa Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman, Hulu Yam Bharu, Selangor. Selain itu, analisis dokumen turut dijalankan seperti kes-kes, kajian lepas dan sebagainya.

Hasil rakaman temu bual telah ditranskripsi dan dibaca berulang kali sambil memperdengarkan rakaman audio. Ini penting bagi mengurangkan kadar kesalahan transkrip. Cara untuk menganalisis dilakukan dengan mengenal pasti pandangan responden dan melaporkan sama seperti yang mereka nyatakan dalam temubual. Kemudian, tema dikenal pasti melalui persoalan kajian yang dijadikan landasan kajian. Pandangan responden kemudiannya diklasifikasikan sebelum tema jawapan terhasil. Bagi sebarang tema yang didapati mempunyai persamaan atau pertindanan, ia akan digabungkan di bawah tema yang sama.

Pengulangan bacaan dilakukan sehingga penyelidik yakin bahawa ia adalah tema yang paling sesuai untuk menjawab persoalan kajian. Pengulangan juga dibaca bagi tujuan pengesahan dapatan analisis. Bagi menentukan kebolehpercayaan maklumat juga, pengesahan daripada responden dilakukan dalam bentuk semakan semula. Responden diminta untuk menurunkan tandatangan kebenaran menggunakan bahan rakaman sebagai hasil kajian.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Latar Belakang Kes Abdul Kahar Ahmad**

Nama sebenar Abdul Kahar Ahmad adalah Haji Kahar bin Haji Abdul Jalal dilahirkan pada 27.4.1950. Berasal dari Hulu Kelang, Selangor. Tahap pendidikan beliau sehingga darjah lima sekolah Melayu. Abdul Kahar mempelajari ilmu agama dari ayahnya yang menjadi imam masjid Hulu Kelang. Pengikutnya yang terlibat dengan ajaran Kahar adalah seramai 20 orang di sekitar Lembah Kelang. Ajaran Abdul Kahar telah disebarkan kepada para pengikutnya melalui ceramah dan media sosial dalam blog. Aspek penyelewengan ajaran Abdul Kahar adalah seperti berikut:

1. Dia mendakwa 'Tuhan' melantiknya menjadi Rasul Melayu menerusi surah Yasin dan surah Ibrahim. Selain itu, beliau mendakwa sembahyang lima waktu adalah tidak wajib. Mengikut ajarannya "sembahyang "itu memadai dengan dengan membuat kebaikan dan menjauhkan diri dari kemungkaran.



2. Dia tidak percayakan al-Quran yang ada sekarang ini sebagai al-Quran yang sebenarnya. Menurutnya al-Quran yang ada sekarang adalah sebagai catatan sahaja. Al-Quran yang sebenarnya berada di atas langit iaitu di Luh Mahfuz. Dia mengaku dirinya menerima wahyu daripada Allah SWT yang diturunkan di Bukit Kemensah dan diturunkan dalam keadaan sepertimana dialami Rasulullah SAW.
3. Dia mendakwa mendapat *ma'unah* atau pertolongan serta perlindungan Allah SWT melalui pemberian mukjizat. Contohnya, ketika hujan turun, beliau tidak akan terkena hujan kerana mendapat perlindungan oleh Allah SWT. Dia tidak percayakan Hadis. Menurutnya hadis yang ada sekarang hanyalah rekaan manusia yang dibuat setelah wafatnya Rasulullah SAW.
4. Dia mendakwa solat Jumaat tidak perlu, tetapi diganti dengan majlis ilmu yang diketuai oleh beliau sendiri.
5. Orang Islam tidak perlu mengerjakan haji ke Mekah. Ibadah haji boleh dilakukan di mana mana sahaja.
6. Dia telah mengarang buku "Al-Furqan - Pembeda" yang bercanggah dengan Islam.

Oleh itu, pada 28 Mac 1991, Majlis Fatwa Kebangsaan telah menfatwakan ajaran ini sebagai haram. Manakala pada 23hb. Mei 1991, Jawatankuasa Perundangan Syarak, Hukum Majlis Agama Islam Selangor telah mengisytiharkan ajaran ini sebagai sesat. Begitu juga pada 29 Ogos 1991, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah mewartakan ajaran ini sebagai sesat. Tindakan undang-undang boleh dilaksanakan ke atas Abdul Kahar dan pengikutnya sekiranya masih menyebarkan ajaran sesat tersebut.

Usaha penyiasatan dan penangkapan Abdul Kahar memakan masa yang panjang iaitu sejak sebelum tahun 2005 lagi, fail kes terhadapnya dibuka di Mahkamah Syariah Shah Alam. Fatwa status haram terhadap ajarannya iaitu Ajaran Salah Haji Kahar bin Haji Ahmad Jalal pula telah difatwakan pada 3 Januari 2007, manakala buku karangannya bertajuk al-Furqaan-Pembeda telahpun diharamkan di Selangor kerana menyeleweng dari ajaran Islam yang sebenar. (Siti Zubaidah Ismail, 2010).

Akhirnya, Abdul Kahar telah didakwa di Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam [2009], JH. 29/1. 85). Dalam pendakwaan tersebut, Abdul Kahar yang berusia 72 tahun didapati bersalah atas lima kesalahan berkaitan ajaran sesat menurut Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 iaitu kesalahan berkaitan doktrin palsu (seksyen 7(1)), kesalahan menghina atau menyebabkan agama Islam dipandang hina, dll. Agama Islam (seksyen 10), kesalahan menghina pihak berkuasa agama (seksyen 12), kesalahan berkaitan pendapat yang bertentangan dengan fatwa (seksyen 13) dan kesalahan berkaitan dakwaan palsu (seksyen 8(a)).



Abdul Kahar telah dijatuhkan hukuman penjara selama sepuluh tahun, denda RM16,500 dan enam kali sebatan. Mahkamah Syariah juga telah memerintahkan Abdul Kahar dihantar ke Pusat Pemurnian Akidah, Baitul Iman, Hulu Yam Baharu, Selangor bagi mengikuti program pemulihan (*istitabah*) selama tempoh 6 bulan yang terakhir sebelum hukuman penjara tamat. Mengikut penghakiman hakim syarie, ini bermakna pesalah akan menjalani hukuman penjara biasa terlebih dahulu di bawah kendalian Jabatan Penjara Malaysia dan selepas habis tempoh sepuluh tahun baru menjalani proses pemulihan sebagaimana yang diperintahkan oleh Mahkamah Syariah.

### **Proses Istitabah Abdul Kahar Ahmad**

Perintah *istitabah* Mahkamah Syariah dalam kes Abdul Kahar ini telah menimbulkan persoalan iaitu, bilakah pula proses taubat perlu dilakukan olehnya dengan pemantauan pihak berkuasa? Adakah memadai mendapatinya bersalah, tanpa memastikan yang beliau benar-benar telah insaf dan bertaubat? Jika begini keadaannya, timbul persoalan tentang keadaan beliau dalam penjara serta jangka hayatnya. Berkemungkinan (hanya kemungkinan) penyebaran ajaran boleh berlaku jika dia belum benar-benar insaf dan bertaubat atas kesalahannya. Apakah bentuk pemulihan yang bakal dilaluinya dalam tempoh pemenjarannya? Jika dia menjalani proses kaunseling biasa dan menjalani kehidupan sebagaimana banduan lain, maka bagaimana kita dapat memastikan akidahnya telah diperbetulkan? Adalah lebih baik jika proses pemulihan akidah dijalankan terus di penjara dengan menugaskan pegawai agama sedia ada untuk mengendalikan pesalah sebegini atau dia diasingkan terus dari banduan lain dengan meletakkannya di blok khas untuk pesalah akidah. Di sinilah kerjasama di antara pihak mahkamah syariah dan Jabatan Penjara Malaysia serta institusi seperti Jabatan Agama Islam amatlah perlu bagi menyelaraskan perkara ini. (Siti Zubaidah Ismail, 2010).

Dalam temu bual yang dijalankan dengan Penguasa Pusat Pemurnian Baitul Iman, Abdul Kahar telah menjalani proses pemulihan melalui perintah *istitabah* oleh Mahkamah Tinggi Syariah Shah Alam selama 6 bulan di penjara Kajang tempat dia menjalani hukuman penjara hasil kerjasama yang diberikan oleh pihak penjara dan dikendalikan oleh Baitul Iman. Ini kerana terdapat kesukaran dari segi undang-undang untuk menempatkan Abdul Kahar di Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman bagi menjalani proses *istitabah*. Oleh itu, modul *istitabah* yang dilaksanakan ke atas Abdul Kahar di penjara adalah berdasarkan Modul Pesalah Syariah Jabatan Koreksional Malaysia bersama dengan Modul *Istitabah* MAIS (Modul *Istitabah* MAIS 2017).

Proses pemulihan Abdul Kahar yang dikendalikan oleh Baitul Iman melalui empat peringkat iaitu, fasa saringan, fasa rawatan dan pemulihan, fasa pengukuhan akidah dan fasa khidmat sokongan. Proses tersebut adalah berdasarkan Modul *Istitabah* yang disediakan oleh MAIS. Proses pemulihan bagi Abdul Kahar dimulakan dengan saringan klinikal dan kerohanian. Saringan klinikal melibatkan pemeriksaan di klinik manakala saringan kerohanian menggunakan pendekatan pukulan ranting kayu nona (Penguasa PPA, 1 November 2017, 32:10-14). Kaedah ini diberi nama Metode Mengesan Syaitan dan Jin (MMSJ). Ini bertujuan untuk memastikan pelatih bebas



daripada gangguan sihir atau jin. Satu lagi saringan ialah saringan sistem kepercayaan (*belief system*) di mana tahap keparahan akidah pelatih akan ditentukan menggunakan alat pengukuran A-test dan AP-Log. Pada akhir sesi saringan ini, Jawatankuasa Penilai akan membuat keputusan berkenaan kaedah terbaik dalam memulihkan akidah pelatih (Modul *Istitabah* MAIS 2017).

Seterusnya adalah fasa rawatan spiritual Islam dan kaunseling Syarie. Rawatan fizikal adalah melibatkan masalah kesihatan mental, fizikal, dan psikologi. Bagi rawatan fizikal dan mental, pelatih akan dirujuk kepada pegawai perubatan awam. Manakala bagi rawatan psikologi, pendekatan kaunseling Syarie akan digunakan (Penguasa PPA, 1 November 2017, 45:40). Pegawai perubatan yang merawat pelatih perlu menyediakan laporan kesihatan pada setiap hujung fasa ini (Modul *Istitabah* MAIS 2017). Bagi rawatan spiritual Islam pula pendekatan *Ilaj Syar'i* digunakan oleh perawat rohani ke atas pelatih. Kaedah kerohanian melibatkan zikir, tilawah al-Quran dan solat sunat menjadi asas rawatan bentuk ini (Modul *Istitabah* MAIS 2017). Bagi tujuan ini juga, beberapa guru akan hadir ke pusat bagi mengajar pelatih berkenaan asas-asas agama (Penguasa PPA, 1 November 2017, 23:14). Proses kaunseling dikendalikan oleh Kaunselor Syarie yang bertauliah pada setiap minggu. Ini bertujuan perkembangan psikologi pelatih dapat dipantau secara berterusan bagi mengelakkan gangguan emosi sepanjang proses pemulihan (Modul *Istitabah* MAIS 2017).

Abdul Kahar juga perlu menjalani fasa pengukuhan dan pementapan (pra bebas). Dalam sesi ini, modul yang dibincangkan melibatkan tasawwur Islam, percintaan dalam Islam dan akidah akhir zaman. Di samping itu, pelatih tetap menjalani rawatan kerohanian dan kaunseling Syarie. Sekali lagi, pelatih akan dinilai berdasarkan ujian A-test, AP-log dan MMSJ bagi menentukan sama ada mereka layak untuk dibebaskan ataupun tidak. Jika layak, mereka akan masuk ke sesi khidmat sokongan dan jika sebaliknya, mereka akan kembali semula ke proses rawatan dan pemulihan (Modul *Istitabah* MAIS 2017). Akhir sekali adalah fasa khidmat sokongan (pasca bebas). Pelatih yang dibebaskan akan dibantu dengan modul sokongan selama tiga hingga enam bulan. Ia meliputi sokongan kerohanian, sosial, psikologi, perkhidmatan, ekonomi dan kemasyarakatan. Ini bertujuan membantu pelatih meneruskan kehidupan seharian secara normal (Modul *Istitabah* MAIS 2017). Bagi melicinkan gerak kerja fasa ini, pusat pemulihan akan bekerjasama dengan Bahagian al-Riqab MAIS (Penguasa PPA, 1 November 2017, 47:20-26).

Keberkesanan proses pemulihan pesalah dinilai berdasarkan prestasi pesalah semasa menjalani setiap fasa pemulihan tersebut iaitu prestasi fasa pemulihan dan fasa pengukuhan akidah serta respon pesalah semasa sesi kaunseling (Penguasa PPA, 1 November 2017). Rekod menunjukkan terdapat penentangan dan sikap negatif di awal fasa tetapi mula menunjukkan rasa insaf dan mengakui kesalahan yang dilakukan di peringkat akhir fasa pemulihan. Hasil proses pemulihan yang dijalankan, Abdul Kahar didapati telah bertaubat melalui penilaian oleh pihak penjara dan para panel program melalui zahir perlakuan, pengakuan lisan, pengakuan bertulis dan penyesalan zahir beliau. Namun, program pemulihan daripada MAIS diteruskan di penjara dengan kekerapan satu sesi setiap minggu sehingga pembebasan Abdul Kahar.



## KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan, didapati *istitabah* mempunyai hubungan langsung dalam pemeliharaan akidah masyarakat Muslim. Sebarang usaha untuk menyeleweng atau menukar agama perlu dikekang dan ditangani dengan cara memberi kesedaran akan kebenaran Islam. Perbezaan dalam penetapan prosedur perlu diperhalusi agar semua pihak berperanan untuk memelihara agama dan keharmonian masyarakat. Ini kerana kesalahan akidah merupakan perkara yang serius dan tidak boleh dipandang remeh. Penularan ajaran dan pemikiran salah merupakan ancaman kepada masyarakat Islam dari masa ke masa. Usaha penggubalan Modul *Istitabah* 2017 yang dilakukan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) ini dilihat sebagai langkah awal ke arah pemerkasaan *istitabah* di Malaysia. Hasil proses pemulihan akidah yang dijalankan berdasarkan Modul *Istitabah* tersebut, Abdul Kahar b. Ahmad telah membuat pengakuan dan ikrar bertaubat serta menzahirkan penyesalannya kerana terlibat dengan penyebaran ajaran sesat dan mendakwa sebagai Rasul Melayu. Justeru itu, penggubalan modul tersebut wajar dicontohi oleh negeri-negeri lain dengan beberapa penambahbaikan berdasarkan kekangan yang dialami oleh para pengendali serta disesuaikan dengan keadaan semasa negeri terlibat.

## PENGHARGAAN

Kajian ini dijalankan menggunakan dana daripada Geran Penyelidikan dan Inovasi Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (GPIK 2016) Fasa 2 (GPM Usahasama) dengan Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Kelantan (KIAS) dengan no kod penyelidikan KUIS/PB/2016/GPIK 2/GPM/U02. Penghargaan juga ditujukan kepada Penguasa Pusat Pemurnian Akidah Baitul Iman, Hulu Yam Bharu, Ust. Izhar bin Ismail atas kerjasama yang diberikan sepanjang kajian dijalankan.

## RUJUKAN

*Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1997 (Akta 559).*

Bahagian Pengurusan Fatwa. 2015. *Kompilasi Pandangan Hukum Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

*Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Takzir) Negeri Terengganu 2001.*

*Enakmen Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan 1994.*

Johana Mohd Taib. Et.al. 2010. *Peruntukan Undang-undang Berkaitan Kesalahan Jenayah Akidah di Malaysia dalam Kesalahan Jenayah Akidah Menurut Kerangka Perundangan di Malaysia*. Bangi: UKM.

Majlis Agama Islam Selangor. 2017. *Modul Istitabah*. Selangor: MAIS



- Mohd Aizam bin Maz'od. 2015. *Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Muhammad Naim Yasin. t.th. *al-Iman: Arkanuhu, Haqiqatuhu, Nawaqiduhu*. Kaherah: Dar al-Tawzi wa al-Nashr al-Islamiyyah.
- Nazneen bt Ismail, Nurulfathonah bt Mohd Effendy, Kamal Azmi b Abd Rahman, Siti Saleha bt Salleh dan Indriaty bt Ismail. 2017. Isu Hak Kebebasan Beragama di Malaysia. ICLIJ 2017, Pusat Penyelidikan UKM di Langkawi.
- Nor Ashikin Md. Nasir dan Siti Zubaidah Ismail. 2017. Amalan Mahkamah Syariah Mengisytiharkan Status Agama dalam Kes Permohonan Keluar Islam: Kajian Kes di Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan. *Kanun*, Januari 2017: 1-36.
- Siti Zubaidah Ismail. 2010. Menangani Ajaran Sesat Di Kalangan Umat Islam: Perspektif Undang-undang dan Pentadbiran. *Jurnal Syariah*, Jil. 18 (2). 247-276
- Siti Zubaidah Ismail. 2017. *Undang-undang Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Temubual bersama Ust Izhar b. Ismail. Penguasa Pusat Pemulihan Akidah Baitul Iman pada 1 November 2017 di Pejabat Penguasa Pusat Pemulihan Akidah Baitul Iman, Ulu Yam, Selangor.
- Wan Mohd Fazrul Azdi, Kamaluddin Nurdin Marjuni, Mohd Rumaizuddin Musa, Azman Abd Rahman, Mohd Zaliridzal Zakaria dan Mohammad Fadzil Mat Yacob. 2015. Istitabah Model for Malaysia: A Preliminary Exposition. *'Ulum Islamiyyah Journal*, Vol. 15 (Jun 2015). 111-124.
- Wan Mohd Fazrul Azdi, Mohd Rumaizuddin Musa, Azman Abd Rahman, Mohd Zaliridzal Zakaria dan Mohammad Fadzil Mat Yacob. 2013. Model Istitabah: Cadangan Konsep dan Pelaksanaannya dalam Intervensi Permasalahan Riddah Kontemporari di Malaysia. *Jurnal al-Abqari*, Vol. 3. 57-71.